

18/04/2000

Tolak calon beli sokongan: Dr M

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaludin
KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menasihatkan perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno pada 11 Mei ini, menolak pemimpin yang menggunakan wang untuk membeli sokongan.

Presiden Umno berkata, perwakilan perlu menerima nasihat itu kerana mana-mana pemimpin yang berusaha membeli sokongan tidak layak memimpin parti.

"Ini bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan. Kita juga dapati mereka yang menjadi wakil ke perhimpunan berusaha mendapatkan sesuatu bagi diri mereka dan berjumpa calon supaya memberi sesuatu jika ingin mendapat undi.

"Jelas sekali, untuk membersihkan politik parti bukanlah sesuatu yang mudah. Kalau ada orang yang tidak begitu betul, politik wang akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Sebelum mesyuarat itu, MT mengucapkan takziah kepada Raja Perempuan Perlis kerana kemangkatan Raja Perlis Tuanku Syed Putra Jamalullail, semalam.

Mesyuarat di Pusat Dagangan Dunit Putra (PWTC) itu turut dihadiri semua Naib Presiden iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Dr Mahathir berkata, beliau akan menjelaskan mengenai politik wang itu pada ucapan pembukaan perhimpunan dan berharap perwakilan menerima nasihat berkenaan.

Katanya, walaupun ada tuduhan masalah politik wang berlaku pada mesyuarat 165 bahagian yang baru saja tamat, ia didapati tidak begitu ketara.

Sebelum ini, Abdullah berkata, calon yang merebut pelbagai jawatan dalam Umno, termasuk kerusi naib presiden yang didapati menggunakan wang untuk membeli undi atau mendapatkan pencalonan bahagian, boleh digugurkan daripada jawatan yang dimenangi.

Perdana Menteri berkata, beliau berterima kasih kepada rakyat kerana tidak menyahut rancangan pihak tertentu untuk mengadakan perhimpunan haram di ibu negara kelmarin.

"Saya juga berterima kasih kepada sebilangan penyokong parti Keadilan, yang tidak bersetuju mengadakan rusuhan itu.

"Mereka kini mempunyai perwakilan di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat dan di situlah tempat sebaiknya untuk mereka menyuarakan tentangan terhadap apa juga," katanya.

Sambil melahirkan rasa syukur kerana perhimpunan haram yang dirancang itu dapat dikawal pihak berkuasa, Dr Mahathir berkata, kerajaan bertanggungjawab mempertahankan hak dan kehendak majoriti rakyat yang tidak inginkan rusuhan.

Sebarang rusuhan katanya, bukan saja merugikan peniaga di kawasan terbabit, tetapi rakyat keseluruhannya apabila pelancong dan pelabur tidak datang ke negara ini.

(END)